

Ruj. Fail : MPSJ/KHP/100 - 6/1/1Jld 1(6)

**MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN  
SUBANG JAYA BIL. 06 TAHUN 2014**

---

**Tarikh : 22 Julai 2014 (Selasa)**  
**Masa : 10.00 pagi hingga 12.40 tengah hari**  
**Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,  
Aras 2,  
Majlis Perbandaran Subang Jaya**

**HADIR**

- |     |   |   |                         |
|-----|---|---|-------------------------|
| 1.  | Ir. Izham bin Hashim<br>Ahli Majlis                       | - | Pengerusi<br>Mesyuarat  |
| 2.  | Tuan Haji Abdullah bin Marjunid<br>Setiausaha Perbandaran | - | Setiausaha<br>Mesyuarat |
| 3.  | Encik Pooi Weng Keong                                     | - | Ahli Majlis             |
| 4.  | Encik Stephen Chin Sou Bong                               | - | "                       |
| 5.  | Encik Keshminder Singh a/l K. Karam Singh                 | - | "                       |
| 6.  | Encik Tai Cheng Heng                                      | - | "                       |
| 7.  | Encik Michael Tamilarason a/l K. Nadaysen                 | - | "                       |
| 8.  | Encik Sufari bin Tinnin                                   | - | "                       |
| 9.  | Encik Chong Hoon Ming                                     | - | "                       |
| 10. | Puan Azizan binti Jamaludin                               | - | "                       |
| 11. | Encik Chia Yew Ken  | - | "                       |

- |     |  |   |   |
|-----|--|---|---|
| 12. | Puan Sazana binti Isa                    | - | " |
| 13. | Encik Loka Ng Sai Kai                    | - | " |
| 14. | Encik Michael Noel Jalleh                | - | " |
| 15. | Encik Yap Kok Weng                       | - | " |
| 16. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh       | - | " |
| 17. | Encik Mohamad Rosharizan bin Mohd Rozlan | - | " |
| 18. | Puan Rozaina binti Hamzih                | - | " |
| 19. | Encik Wan Hock Leong                     | - | " |
| 20. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi           | - | " |
| 21. | Puan Norzaihan binti Ismail              | - | " |

**TIDAK HADIR (DENGAN MAAF)**

- |    |                              |   |                       |
|----|------------------------------|---|-----------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Asmawi bin Kasbi | - | Yang Dipertua<br>MPSJ |
|----|------------------------------|---|-----------------------|

**TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)**

1. Encik Mohd Zulkurnain bin Che Ali  
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Hamizun binti Mohd Basar  
Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
3. Y.M. Raja Amir Iskandar bin Raja Azlan  
Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
4. Encik Mohd Fadzil bin Mahat  
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Encik Ismail bin Muhamad  
Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
6. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff  
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
7. Encik Ismail bin Salim  
Pengarah, Jabatan Pelesenan
8. Puan Sharifah Rohaida binti Abd. Rahman  
Pengarah, Jabatan Hasil
9. Puan Anita binti Abd. Jalil  
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
10. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin  
Pengarah, Jabatan Kesihatan
11. Puan Azura binti Mohd Don  
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
12. Encik Zahiruddin bin Hashim  
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
13. Ir. Mohd Ariffuddin bin Hj Kamari  
Pengarah, Jabatan Bangunan

14. Mejar Mohd Rasip bin Rasul (Bersara)  
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
15. Encik Fadzli bin Zubi  
Pengarah, Jabatan OSC
16. Puan Noraziah binti Ali  
Penolong Pengarah Kanan, Bahagian Audit Dalam
17. Encik Nazarudin bin Mashtuki  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
18. Encik Azfarizal bin Abdul Rashid  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
19. Encik Hazman bin Mohd Mahayudin  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
20. Puan Nik Zalina binti Megat Muda  
Timbalan Pengarah, Jabatan Pelesenan
21. Puan Aida binti Omar  
Timbalan Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
22. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh  
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
23. Encik Muhammad Azli bin Miswan  
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Korporat
24. Encik Nor Azmi bin Mohd. Rosli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan
25. Puan Azlina binti Mat Salim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
26. Encik Mohd Faudzi bin Nazaruddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta
27. Cik Hasnor Salwa binti Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

28. Encik Mohd Haizi bin Harun  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kejuruteraan
29. Puan Rohana binti Ramli  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancang Bandar
30. Puan Nor Shahela binti Amzah  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perbendaharaan
31. Puan Norsilawati binti Mohd Yatim  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Hasil
32. Encik Saipudin bin Sulaiman  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
33. Encik Mohd Hafiz bin Sharif  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
34. Encik Alias bin Miskon  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Kesihatan
35. Cik Helda Syima binti Abu Talab  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Perancangan Korporat
36. Encik Mohd Reyza bin Mazlan  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
37. Puan Rosmawati binti Zainuddin  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
38. Puan Rahimah binti Aisa @ Hassan  
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Pembangunan Masyarakat
39. Puan Sadzliawaty binti Mohamad Dom  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
40. Encik Mohd Syazwan bin Kamaruddin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
41. Encik Khairul Nazim bin Arbain  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

42. Encik Mohd Nazri bin Jamaludin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
43. Encik Samsudin bin Ayob  
Penolong Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
44. Puan Mimi Zareena binti Md Nor  
Penolong Pengarah, Jabatan OSC
45. Puan Siti Kartina binti Juhari  
Penolong Pengarah, Jabatan Perancang Bandar
46. Cik Adibah binti Abdullah  
Penolong Pengarah, Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta
47. Encik Mohd Safiee bin Junun  
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
48. Encik Mohd Kamil bin Basir  
Penolong Pengarah, Jabatan Bangunan
49. Encik Khairul Nizam bin Khalid  
Penolong Pengarah, Jabatan Kejuruteraan
50. Encik Mohd Aisamuddin bin Razali  
Penolong Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
51. Puan Zalmah binti Yahya  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
52. Puan Azian binti Ropie  
Penolong Pengarah, Jabatan Hasil
53. Encik Tarmidi bin Kadri  
Penolong Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
54. Encik Ramzi bin Mohamed Lazim  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
55. Cik Nadia binti Muhamad Amin  
Penolong Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar

56. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa  
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak Dan Ukur Bahan
57. Puan Dayana binti Omar  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
58. Puan Nurul Fadhilah binti Mohd Maulud  
Penolong Pengarah, Jabatan Undang-Undang
59. Cik Fadzilah Azreen binti Md Johari  
Penolong Pegawai Penilaian, Jabatan COB

### **URUSETIA**

1. Encik Salmi bin Mat Saad  
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Encik Isham bin Abu Kassim  
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Faizah binti Mazenan  
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan

## **1.0 DOA**

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan, Majlis Perbandaran Subang Jaya.

## **2.0 UCAPAN PENERUSI**

Tuan Pengerusi mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat pada kali ini adalah Mesyuarat Penuh MPSJ Bil. 06/2014 dan seterusnya memaklumkan beberapa perkara:

### **2.1 AUDIT MS ISO/IEC 27001:2007 (ISMS) PERINGKAT 2**

MPSJ telah menerima kunjungan Pasukan Audit Information Security Management System (ISMS) Peringkat Kedua (2) daripada pihak SIRIM QAS International Berhad pada 09 - 10 Julai 2014 (Rabu & Khamis) untuk melihat pelaksanaan ISMS MPSJ dan menilai pengurusan keselamatan ICT yang merangkumi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi operasi Pusat Data Jabatan Teknologi Maklumat MPSJ meliputi sistem OCPS, IRMS dan IFMS.

Tujuan pengauditan ini adalah bagi memastikan pengurusan keselamatan ICT MPSJ dari segi pengurusan data dan maklumat adalah selaras dengan standard antarabangsa MS ISO/IEC 27001:2007 ISMS.



## **2.2 PROGRAM JELAJAH KASIH RAMADHAN MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA 2014**

Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Perbandaran Subang Jaya telah berjaya menganjurkan satu program yang dinamakan Program Jelajah Kasih Ramadhan MPSJ 2014 pada 12 Julai 2014 (Sabtu) bertempat di Mydin Shopping Mall, Subang Jaya.

Pengisian program melibatkan aktiviti membeli belah kelengkapan keperluan hari raya serta Majlis Berbuka Puasa bersama anak-anak Yatim Rumah Al-Ijabah. Program yang melibatkan seramai 59 orang anak-anak yatim pelbagai usia ini telah mendapat tajaan daripada pihak Tropicana Corporation Bhd. yang menyumbang RM 200.00 bagi setiap anak-anak yatim Rumah Al-Ijabah untuk membeli keperluan hari raya manakala Mydin Holding telah berbesar hati menaja Majlis Berbuka Puasa. Anak – anak yatim ini juga telah diraikan oleh Puspanita MPSJ, AKRAB MPSJ dan U.N Riders.

Adalah diharapkan semoga program sebegini dapat meringankan beban mereka yang tidak bernasib baik disamping menggalakkan Kerjasama Program-Program *Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility – CSR)* diantara MPSJ dan pelbagai agensi.

Kejayaan penganjuran program ini bukan sahaja memberi impak terhadap pembangunan modal insan kepada para peserta yang terlibat di dalam aspek sukarelawan dan khidmat masyarakat tetapi juga memberi kesan yang positif dalam membantu meringankan beban golongan yang memerlukan.

Pihak Majlis merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ yang telah turut sama menjayakan program ini. Semoga segala usaha yang dicurahkan mendapat keberkatan dan pahala yang berlipat ganda daripada Allah SWT.

**2.3 MAJLIS BERBUKA PUASA (IHYA' RAMADHAN) DULI YANG MAHA MULIA SULTAN SELANGOR BERSAMA RAKYAT DAN PENYAMPAIAN SUMBANGAN HARI RAYA BAGI TAHUN 1435H/2014M**

Sukacita dimaklumkan bahawa, Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah menganjurkan Majlis Berbuka Puasa (Ihya' Ramadhan) Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Bersama Rakyat, Penyampaian Sumbangan Hari Raya Bagi Tahun 1435H dan Perasmian Masjid Bandar Bukit Puchong, Puchong pada 18 Julai 2014 (Jumaat) bersamaan 20 Ramadhan 1435H, bertempat di Masjid Bandar Bukit Puchong, Puchong.

Pihak Majlis merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan di atas kehadiran semua Ahli Majlis, Ketua Jabatan, Pegawai dan Warga Kerja MPSJ yang telah menjayakan program ini.

**2.4 MAJLIS PENYAMPAIAN PROGRAM SUMBANGAN KESEJAHTERAAN MASYARAKAT BANDAR (PKMB) MPSJ 2014**

Majlis Perbandaran Subang Jaya telah menganjurkan Majlis Penyampaian Program Sumbangan Kesejahteraan Masyarakat Bandar (PKMB) MPSJ 2014 yang telah diadakan pada 19 Julai 2014 (Sabtu), jam 5.30 petang – 9.00 malam, bertempat di Kompleks 3C, Bandar Sunway.

## **2.5 PROGRAM TADARUS DAN KHATAM AL-QURAN PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

Majlis Perbandaran Subang Jaya dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Surau MPSJ dan Kelab Sukan Dan Kebajikan MPSJ akan mengadakan satu Majlis Khatam Al-Quran pada 23 Julai 2014 (Rabu), jam 9.00 pagi bertempat di Bilik Mesyuarat Kenanga, Bangunan Ibupejabat MPSJ.

Pada tahun ini seramai 100 orang peserta yang terdiri daripada warga kerja MPSJ telah turut sama menyertai program Tadarus dan Khatam Al-Quran bagi mengimarahkan sambutan bulan Ramadhan Al-Mubarak pada tahun ini.

## **2.6 MAJLIS RUMAH TERBUKA SAMBUTAN AIDIL FITRI MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA 2014**

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menganjurkan Majlis Rumah Terbuka Sempena Sambutan Hari Raya Aidil Fitri Majlis Perbandaran Subang Jaya 2014 pada 15 Ogos 2014 (Jumaat), jam 3.00 petang bertempat di Perkarangan Tempat Letak Kereta, Bangunan Ibupejabat MPSJ.

## **2.7 KUNJUNGAN DELEGASI HIOKI CITY, JEPUN**

Majlis Perbandaran Subang Jaya akan menerima kunjungan Delegasi Persahabatan Bandar dari Bandar Hioki, Jepun pada 20 - 27 Ogos 2014 yang disertai seramai 12 orang delegasi.

Antara program yang akan dilaksanakan sepanjang tempoh tersebut ialah Program Pemeraksanaan Modal Insan (Good Citizen) dan Program Homestay Delegasi Jepun di MPSJ/Malaysia melibatkan 10 orang anak angkat.

Program seumpama ini telah berlangsung selama tiga tahun berturut-turut dan diharap hubungan baik ini dapat diteruskan untuk faedah bersama.

## **2.8 MPSJ BANDAR HIJAU 2030**

MPSJ sedang menyediakan pelan jangka panjang yang dikenali sebagai MPSJ Bandar Hijau 2030/*MPSJ Green City 2030*. Ia merupakan dokumen perancangan strategik yang menggabungkan input-input Pelan Strategik MPSJ 2012 - 2030 dan Rancangan Tempatan MPSJ 2030 serta Kajian Lalulintas dan Pengangkutan Jalan MPSJ 2013.

Sambutan Hari Bandar Hijau MPSJ akan diadakan pada 27 - 28 September 2014 bertempat di One City, Subang Jaya. Antara pengisian aktiviti/acara sepanjang program ini diadakan ialah seperti berikut:

- i) Pertandingan Perbandaran Hijau IPTA/IPTS
- ii) *Green Map*
- iii) *Public Engagement (Syndicate Room)* – 15 Kumpulan Sasar
- iv) Pameran oleh Agensi Kerajaan, NGO's dan Swasta
- v) Kaji Selidik Lalu Lintas dan Infra
- vi) Aktiviti-Aktiviti Komuniti

## **2.9 LAPORAN DEMAM DENGGI**

Bilangan kes denggi dilaporkan tahun ini sehingga Minggu Epid 29 (iaitu sehingga 19 Julai 2014) adalah sebanyak 4498 kes dilaporkan dan sebanyak 4142 kes disahkan positif.

Terdapat empat belas (14) kawasan 'hotspots' di kawasan pentadbiran MPSJ iaitu;

- i. PJS 9 (Lagoon Perdana)  
- 32 Kes
- ii. Taman Puchong Perdana (Jalan Teratai)  
- 18 Kes
- iii. Taman Serdang Perdana Seksyen 3 (East Lake)  
- 14 Kes
- iv. Taman Lestari Putra 6  
- 13 Kes
- v. USJ 11/4  
- 12 Kes
- vi. USJ 1/4  
- 11 Kes
- vii. Pusat Bandar Puchong (Kuarters MPSJ)  
- 11 Kes
- viii. Taman Lestari Perdana (Sri Indah Apartment)  
- 11 Kes
- ix. Taman Bukit Serdang 5 (Jalan BS 5/1 – 5/10)  
- 11 Kes
- x. Taman Tasik Prima 4  
- 11 Kes
- xi. Taman Kinrara 5 (Flat Taman Mawar)  
- 10 Kes
- xii. USJ 18  
- 8 Kes
- xiii. USJ 1 (Angsana)  
- 7 Kes
- xiv. Bandar Kinrara BK 6F (Enggang Apartment)  
- 6 Kes

Menjelang perayaan Hari Raya Aidil Fitri yang bakal menjelang tiba tidak lama lagi, dijangka ramai penduduk di kawasan pentadbiran MPSJ akan pulang ke kampung masing-masing untuk menyambut hari lebaran. Sehubungan itu, penduduk perlu memastikan kawasan kediaman dan premis masing-masing bebas daripada tempat-tempat pembiakan aedes dengan memusnahkan tempat-tempat atau bekas-bekas yang berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes sebelum pulang ke kampung halaman masing-masing.

### **Peringatan Mesra Kerajaan Negeri Selangor**

“Wabak denggi semakin serius dan meningkat. Musnahkan tempat pembiakan nyamuk Aedes dengan menghapuskan tempat menakung air di tempat kediaman dan tempat kerja. Jagalah kebersihan setiap hari setiap masa di mana jua”.

## **2.10 UCAPAN KHAS SEMPENA HARI RAYA AIDIL FITRI**

Memandangkan Mesyuarat Penuh MPSJ pada bulan ini hampir dengan ketibaan sambutan perayaan Hari Raya Aidil Fitri yang bakal diraikan tidak lama lagi iaitu pada 28 Julai 2014 (Isnin), saya mewakili pihak pengurusan dan warga kerja Majlis Perbandaran Subang Jaya mengucapkan **Selamat Hari Raya Aidil Fitri** kepada semua Ahli Majlis dan Warga Kerja MPSJ yang beragama Islam.

Pihak Majlis mengharapkan semoga dengan kehadiran bulan Syawal yang bakal menjelma ini, marilah kita bersama-sama meraikannya dengan penuh syukur dan muhibbah. Gunakanlah peluang di hari lebaran ini untuk meraikan sambutan Aidil Fitri bersama orang-orang tersayang, khususnya ibu bapa dan keluarga tercinta di samping mempereratkan hubungan silaturrahim serta merapatkan tali persaudaraan.

SELAMAT MENYAMBUT HARI RAYA AIDIL FITRI 1435H  
MAAF ZAHIR BATIN  
BERHATI-HATI DI JALAN RAYA

### 3.0 MENGESAHKAN MINIT MESYUARAT MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA BIL. 05/2014 BERTARIKH 25 JUN 2014.

Minit Mesyuarat Majlis Perbandaran Subang Jaya Bil. 05/2014 bertarikh 25 Jun 2014 telah disahkan tanpa pindaan.

### 4.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT DARIPADA JAWATANKUASA

#### 4.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 10/2014 Bertarikh 02 Julai 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.11 m.s 13	En. Tai Cheng Heng	Permohonan Nama Taman Dan Pelan Alamat Untuk Mewarta Dan Menukar Nama Taman Sedia Ada Daripada 'Mines Resort City' Kepada 'Mines Wellness City' Bagi Pembangunan Mines Resort City, Seri Kembangan, Mukim Petaling, Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan.	Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula keputusan memberikan kelulusan kepada pihak Country Heights Holdings Berhad berhubung perkara ini.  <u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi meminta supaya syarat-syarat kelulusan Kebenaran Merancang dipertimbangkan semula dan di bawa untuk dibentangkan

				di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC yang akan datang sekiranya terdapat pindaan atau perubahan terhadap syarat-syarat kelulusan tersebut.
2	para 4.3 (b) & (c) m.s 43 & 44	En. Pooi Weng Keong	Flora Development Sdn. Bhd.	<p>Beliau meminta supaya pihak Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 10/2014 memasukkan syarat-syarat kelulusan Permohonan Pelan Kerja Tanah serta Permohonan Pelan Jalan dan Perparitan dalam minit mesyuarat.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Tuan Pengerusi bersetuju dengan cadangan ini dan meminta pihak Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa OSC Bil. 10/2014 supaya memasukkan syarat-syarat kelulusan di dalam minit mesyuarat tersebut.</p>
3	para 9.1 m.s 111	En. Stephen Chin Sou Bong	Cadangan Pelan Setara Bagi Sekatan Dalaman (Partition) Dan Pecahan Dinding Pemisah (Partywall) Untuk Bangunan	Beliau meminta supaya pihak Majlis mengkaji semula keputusan berhubung perkara ini dan seterusnya meminta pertimbangan pihak Majlis supaya



			<p>Rumah Kedai/Kedai Pejabat Dan Kilang Teres Di Kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya.</p>	<p>menangguhkan dahulu tindakan operasi berkaitan perkara ini sehingga ianya diputuskan semula oleh pihak Majlis.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Pengarah Bangunan memaklumkan bahawa pihak Majlis akan melakukan pasca nilai ke atas perkara ini bagi menilai semula tindakan operasi bersepadu yang dijalankan selain meneliti semula isu- isu berbangkit berkaitan perkara ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi bersetuju dengan cadangan ini dan meminta supaya perkara ini di bawa dan dibentangkan semula ke Mesyuarat Jawatankuasa OSC yang akan datang bagi membincangkan mengenai tindakan operasi bersepadu yang telah dijalankan serta perkara-perkara berbangkit berhubung perkara ini.</p>
--	--	--	--	---

**Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)**

#### 4.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Bil. 11/2014 Bertarikh 17 Julai 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

#### Tindakan : Jabatan Pusat Setempat (OSC)

#### 4.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit Dan Pengurusan Korporat Bil. 05/2014 Bertarikh 03 Julai 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 4.2 m.s 6	Pn. Sazana binti Isa	Laporan Lawatan Tapak Ke Atas Ujian 'Coring Test' Bagi Cadangan Kerja-Kerja Menaiktaraf Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Di Jalan Bestari 3 Dan Kawasan Sekitar Kampung Sri Aman, Di BP 5, Puchong, Selangor Darul Ehsan.	Beliau memohon supaya laporan 'coring test' turut dimasukkan sekali dengan keputusan ujian 'crusher run'.  Beliau turut meminta supaya pihak Majlis membuat penilaian terperinci ke atas ketebalan 'crusher run' terhadap kerja-kerja penurapan jalan yang dijalankan oleh pihak kontraktor.

				<p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Tuan Pengerusi bersetuju dengan cadangan ini dan meminta supaya perkara ini dibincangkan semula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat yang akan datang.</p> <p>Beliau turut mencadangkan supaya Jabatan Kejuruteraan menjemput pihak IKRAM untuk menyampaikan taklimat berhubung perkara ini di dalam Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur yang akan datang.</p> <p>Sehubungan itu, Tuan Pengerusi meminta supaya Jabatan Kejuruteraan mengambil maklum mengenai cadangan yang telah dikemukakan bagi menangani perkara ini.</p>
--	--	--	--	--

**Tindakan : Bahagian Audit Dalam**

#### 4.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan Dan Teknologi Maklumat Bil. 05/2014 Bertarikh 08 Julai 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 6.2 m.s 10	En. Mohan Singh a/l Surtar Singh	Pemberian Bonus Tahunan Sempena Hari Raya Aidil Fitri 1435H/2014.	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mempertimbangkan pemberian Bonus Tahunan Sempena Hari Raya Aidil Fitri 1435H/2014 kepada Pembantu Ahli Majlis.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Tuan Timbalan Yang Dipertua menjelaskan bahawa pemberian Bonus Tahunan Sempena Hari Raya Aidil Fitri 1435H/2014 adalah tertakluk kepada syarat-syarat dasar yang telah diputuskan oleh Kerajaan Negeri melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) Bil. 25/2014.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi walaubagaimanapun memohon pertimbangan supaya pihak Majlis</p>

				menyemak semula perkara ini dengan pihak Kerajaan Negeri supaya pemberian Bonus Tahunan Sempena Hari Raya Aidil Fitri 1435H / 2014 ini dapat dipanjangkan kepada Pembantu Ahli Majlis yang berkhidmat di Majlis Perbandaran Subang Jaya.
--	--	--	--	--

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan**

**4.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Bil. 05/2014 Bertarikh 08 Julai 2014**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 5.1.7 m.s 18 & 19	En. Mohan Singh a/l Surtar Singh	Laporan Pengurusan Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPSJ Bulan Januari Hingga Julai 2014	Beliau memohon supaya Pegawai Kawasan JKP turut hadir dalam Mesyuarat Bulanan JKP yang diadakan bagi melihat perjalanan mesyuarat yang diadakan.

				<p><u>Maklumbalas:</u> Tuan Pengerusi bersetuju dengan cadangan ini dan meminta Jabatan Pembangunan Masyarakat supaya mengambil maklum berhubung cadangan yang dikemukakan ini.</p>
--	--	--	--	---

**Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat**

**4.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Bil. 05/2014 Bertarikh 09 Julai 2014**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.1 m.s 4	En. Mohan Singh a/l Surtar Singh	Makluman Operasi Perobohan Dan Cadangan Penyewaan Tapak Kawasan Lapang Lot 1570, Jalan Permai 1, Taman Puchong Permai, Puchong, Selangor Darul Ehsan.	<p>Beliau memohon untuk mendapatkan penjelasan dan maklumbalas dari pihak Majlis berhubung operasi perobohan ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u> Timbalan Pengarah Penilaian Dan Pengurusan Harta menjelaskan bahawa mesyuarat memutuskan untuk</p>

				<p>menangguhkan operasi perobohan ini kerana pihak Majlis perlu mendapatkan pengesahan daripada pihak Kerajaan Negeri berhubung status tanah tersebut.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Tuan Pengerusi meminta supaya Jabatan Penilaian Dan Pengurusan Harta untuk memaklumkan status terkini berhubung perkara ini setelah mendapat pengesahan daripada pihak Kerajaan Negeri.</p>
--	--	--	--	--

**Tindakan : Jabatan Perbendaharaan**

**4.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pengindahan Bandar Bil. 05/2014 Bertarikh 10 Julai 2014**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 4.3 m.s 9	En. Loka Ng Sai Kai	Cadangan Mengenakan Bayaran Bagi	Beliau memaklumkan bahawa Mesyuarat

			<p>Pengurusan Sisa Perdagangan (Sisa Restoran) Di Majlis Perbandaran Subang Jaya.</p>	<p>Pre-Council Ahli Majlis yang diadakan pada 21 Julai 2014 telah bersetuju untuk menangguhkan pelaksanaan perkara ini sehingga satu kajian terperinci diadakan berhubung perkara ini.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Tuan Pengerusi bersetuju dengan cadangan ini dan meminta supaya pihak Majlis membuat kajian terperinci berhubung perkara ini sebelum pelaksanaannya dikuatkuasakan.</p>
--	--	--	---	--

**Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar**



#### 4.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Dan Kesihatan Bil. 05/2014 Bertarikh 11 Julai 2014

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Pindaan/Cadangan
1	para 3.1 m.s 7	En. Mohan Singh a/l Surtar Singh	Penyusunan Semula Gerai Majlis di SS 13/2 dan SS 19/6, Subang Jaya	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis membuat pemeriksaan berkala dan melaksanakan inventori terhadap semua Gerai dan Medan Selera Majlis bagi membuat penilaian terhadap keperluan penyelenggaraan dan dinaiktaraf Gerai dan Medan Selera milik Majlis.</p> <p><u>Maklumbalas:</u></p> <p>Tuan Pengerusi bersetuju dengan cadangan ini memandangkan banyak lokasi Gerai dan Medan Selera Majlis perlu diselenggara dan dinaiktaraf. Penilaian awal perlu dibuat bagi memudahkan pihak Majlis untuk menyediakan spesifikasi kerja dan memohon bajet tahunan bagi kerja-kerja yang berkaitan.</p>

2	Hal-Hal Lain	En. Chia Yew Ken	Sewaan Petak Khas Parkir Kenderaan Di Kawasan Majlis Perbandaran Subang Jaya	<p>Beliau memohon supaya pihak Majlis mengkaji semula keputusan berhubung syarat-syarat premis yang layak diberikan kelulusan untuk menyewa petak khas parkir kenderaan di hadapan premis bagi mengelakkan masalah kekurangan petak parkir kenderaan awam di kawasan-kawasan komersil dan perdagangan di kawasan pentadbiran MPSJ.</p> <p><u>Keputusan:</u></p> <p>Tuan Pengerusi menerima baik cadangan ini dan meminta supaya perkara ini dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan untuk dibincangkan semula bagi membolehkan pihak Jawatankuasa mempertimbangkan semula syarat-syarat yang telah dipersetujui sebelum ini.</p>
---	--------------	------------------	--	--

**Tindakan : Jabatan Pelesenan**

**4.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur Bil. 05/2014  
Bertarikh 16 Julai 2014**

-----  
Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah **bersetuju menerima** laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

**Tindakan : Jabatan Kejuruteraan**

**5.0 KERTAS MESYUARAT SENARAI KEAHLIAN AHLI MAJLIS  
DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA DAN PENYUSUNAN  
AHLI MAJLIS SEBAGAI Pengerusi JAWATANKUASA  
PENDUDUK (JKP) MPSJ BAGI PENGGAL 2014 – 2015  
(Kertas Mesyuarat Bil. 02/07/2014)**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** Kertas Mesyuarat Senarai Keahlian Ahli Majlis Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Dan Penyusunan Ahli Majlis Sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penduduk (JKP) MPSJ Bagi Penggal 2014 – 2015.

Senarai Keahlian Ahli Majlis dalam Mesyuarat Jawatankuasa Majlis Perbandaran Subang Jaya bagi penggal 2014 – 2015 adalah seperti di lampiran 1.

Senarai penyusunan Ahli Majlis sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penduduk (JKP) Majlis Perbandaran Subang Jaya bagi penggal 2014 – 2015 adalah seperti di lampiran 2.

**Tindakan : Jabatan Khidmat Pengurusan**

**6.0 KERTAS MESYUARAT PERMOHONAN BAJET TAMBAHAN BIL. 01/2014 MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA 2014 (Kertas Mesyuarat Bil. 03/07/2014)**

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat **bersetuju menerima dan meluluskan** Kertas Mesyuarat Permohonan Bajet Tambahan Bil. 01/2014 Majlis Perbandaran Subang Jaya 2014 berjumlah **RM4.9 juta.**

**Tindakan : Jabatan Perbendaharaan**

## **7.0 UCAPAN PENANGGUHAN**

**7.1** Tuan Pengerusi mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Majlis di atas kerjasama sepanjang mesyuarat dijalankan dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.40 tengah hari.

**‘MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI’**

**Disediakan oleh;**

.....  
**(ABDULLAH BIN MARJUNID, A.I.S., A.M.S.)**  
Setiausaha Perbandaran  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**

**Disahkan oleh;**

.....  
**(Ir. IZHAM BIN HASHIM )**  
Pengerusi Mesyuarat  
**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**